

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JULY 2017

Dr. M perlu berdepan RCI secara telus

um - 10/7/2017 pg-6

ALOR SETAR 9 Julai - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar untuk berdepan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) dalam urus niaga matawang asing pada awal 1990-an secara telus tanpa perlu menekan butang panik hingga sanggup melakukan pusingan U dengan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, tindakan tidak masuk akal yang dilakukan Dr. Mahathir itu hanyalah permainan politik beliau untuk menghalalkan cara dan matlamatnya demi membentuk pasukan 'defensif' bagi berdepan RCI.

"Kami cabar Dr. Mahathir hadapi RCI dengan telus tanpa perlu menekan butang panik hingga sanggup melakukan pusingan U

dalam keadaan paling tidak bermaruah.

Suatu ketika dulu, Dr. Mahathir sanggup memasukkan Anwar ke dalam penjara dan percaya bekas timbalannya itu melakukan perkara tidak bermoral.

Kini Dr. Mahathir membuktikan bahawa beliau adalah tokoh pusingan U terbilang dalam negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, tindakan dilakukan Dr. Mahathir itu adalah hakikat pedih yang perlu ditelan oleh seluruh rakyat apabila melihat negarawan yang disanjung dan dipertahan selama ini, sanggup menampilkan sifat yang terlalu peribadi, penuh dendam dan hi-



SHAIFUL HAZIZY

lang arah.

"Dr. Mahathir terlalu terdesak menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak hingga sanggup mengangkat Anwar sebagai Perdana Menteri jika kerajaan tumbang pada pilihan raya umum akan datang.

Begitu pun Pemuda UMNO Kedah yakin, pakatan dendam direncana Dr. Mahathir tidak akan memberi kesan terhadap keyakinan rakyat.

Hakikatnya rakyat mahu mendengar kebenaran walaupun episod telah berlangsung terlalu lama," katanya.

Dalam pada itu, Shaiful Hazizy turut meramalkan konsistensi serta hala tuju perjuangan

Pakatan Harapan diketuai DAP bakal terjejas sekiranya mereka berterusan merelakan diri untuk dipermainkan secara politik oleh Tun Mahathir sekeluarga.

"Pakatan itu kini digunakan Dr. Mahathir sekeluarga bagi melunaskan nafsu politik mereka. Parti-parti dalam Pakatan Harapan diketuai DAP sepatutnya memperjuangkan isu rakyat secara benar tanpa melakukan serangan berbentuk peribadi serta terlibat dalam sentimen Tun Mahathir sekeluarga.

"Di pihak Dr. Mahathir pula, kami memohon supaya beliau dan keluarga untuk 'stand down' dan berhenti memalukan diri sendiri.

Hakikatnya beliau tidak perlu menjadi arkitek atau hero untuk memperbaiki masalah sedia ada dalam Pakatan Harapan diketuai DAP dan politik keluarga dihadapinya juga tidak harus dijadikan isu nasional sama sekali.